



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

NAMA KURSUS : TEORI SENIBINA 1  
KOD KURSUS : DSB1052  
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018  
MASA : 2 JAM

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (10 Markah)  
BAHAGIAN B (30 Markah)  
BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---




**BAHAGIAN A (10 MARKAH)**

Jawab **semua** soalan di dalam Kertas jawapan Objektif.

1. Yang manakah di antara elemen seni bina berikut yang menunjukkan kesamaan antara Senibina Romanesque dan Senibina Rom?
    - A. *Barrel vault*
    - B. Tingkap Ros
    - C. Batu Sarsen
    - D. *Obelisk*
  
  2. 

*"Flying buttress disambung dengan dinding luaran gereja sebagai struktur tambahan yang menyokong bumbung dan dinding nipis yang lain"*
- Penyataan di atas merujuk kepada elemen seni bina
- A. Renaissance
  - B. Baroque
  - C. Rococo
  - D. Gothic
3. Berikut adalah kenyataan yang benar tentang istana maharaja dalam Senibina China **kecuali**
    - A. Genting bumbung bewarna kuning
    - B. Naga China diaplikasi secara meluas sebagai hiasan senibina diraja
    - C. Tiang kayu dan permukaan dinding istana bewarna merah
    - D. Tempat di mana para cendekiawan berkumpul untuk menulis artikel
  
  4. Rajah 1 menunjukkan sebahagian ruang dalam gereja Romanesque. Nyatakan elemen yang dilabel X



- A. Aisle
- B. Cloister
- C. Narthex
- D. Clerestorey

5. Pilih kenyataan yang **BENAR** bagi Senibina India.
- i. Contoh binaan adalah *stupa, sikhara* dan *torana*
  - ii. Ia merangkumi Pakistan, Bangladesh dan Sri Lanka
  - iii. Mempunyai pengaruh agama Buddha, Hindu, Jain dan Islam
  - iv. Kebanyakan kuil Hindu memaparkan arca dan ukiran binatang
- A. i, ii, iv  
B. i, iii, iv  
C. ii, iii, iv  
D. i, ii, iii, iv
6. Kebiasaan istana dalam seni bina Jepun mempunyai beberapa lapisan pertahanan iaitu
- i. *Honmaru*
  - ii. *Ninomaru*
  - iii. *Yariganna*
  - iv. *Sannmoru*
- A. i, ii  
B. ii, iii  
C. iii, iv  
D. i, ii, iv
7. Nyatakan gaya popular Senibina Gothic
- A. Gaya *Barbaric*
  - B. Gaya dramatik
  - C. Gaya semula jadi
  - D. Pendekatan kebangkitan semula
8. Berikut adalah kenyataan yang **BENAR** tentang kriteria dalaman Senibina Gothic:
- i. Siling tinggi
  - ii. Cerah dan berangin
  - iii. Tingkap kaca berwarna

- iv. Penuh dengan ukiran
- A. i, ii  
B. i, iii  
C. i, ii, iv  
D. i, ii, iii, iv
9. Berikut adalah arkitek terkenal semasa era Senibina Renaissance **kecuali**
- A. Lorenzo  
B. Brunelleschi  
C. Charlemagne  
D. Leonardo da Vinci
10. Berikut adalah kenyataan yang **BENAR** tentang Senibina Baroque:
- i. bermula di Itali  
ii. bermula di Ireland  
iii. bentuk seni yang cenderung dengan emosi dan bentuk-bentuk natural  
iv. dikaitkan dengan kuasa *Paus* sebagai pimpinan tertinggi agama Katolik
- A. i, ii  
B. i, iii  
C. ii, iv  
D. i, iii, iv

[10 MARKAH]

**BAHAGIAN B (30 MARKAH)**

Jawab **semua** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**


Lakarkan binaan/elemen yang disenaraikan di bawah:

- i. *Flying buttress* dalam Senibina Gothic
- ii. *Stupa* dalam Senibina Hindu
- iii. *Pagoda* dalam Senibina China
- iv. *Tikar Tatami* dalam Senibina Jepun
- v. *Groin vault* dalam Senibina Romanesque

(10 markah)

**SOALAN 2**


a) Senaraikan empat (4) elemen-elemen senibina Gothic dalam gambar rajah 1:



Gambar Rajah 1

(4 markah)

- b) Gambar rajah 2 di bawah menunjukkan lakaran masjid dalam Senibina Islam.  
Namakan enam (6) elemen pada bangunan tersebut.



Gambarajah 2

(6 markah)

**SOALAN 3**

- a. Terangkan dengan ringkas dua (2) jenis gaya utama Kuil Hindu Purba dalam Senibina India berikut

- Nagara
- Dravida

(6 markah)

- b. Senaraikan 2 fungsi pavilion bertingkat (*storeyed pavilion*) dalam Senibina China

(4 markah)

**[30 MARKAH]**

**BAHAGIAN C (60 MARKAH)**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan, jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Jelaskan bagaimana pembahagian yang digunakan dalam menentukan konsep 'perbandaran' dalam Senibina China  
(4 markah)
- b. Terangkan bagaimana politik memainkan peranan dalam pembentukan bandar purba China  
(4 markah)
- c. Jelaskan fungsi 'Jian' yang digunakan oleh tukang kayu tradisional China dalam pembinaan bahagian bangunan dalam Senibina China  
(4 markah)
- d. Lakarkan sistem modular 'Jian' dari satu unit sehingga membentuk kepada satu bangunan  
(8 markah)


**SOALAN 2**

- a. Jelaskan fungsi yang terdapat di dalam kompaun istana dalam Senibina Jepun berikut:
- i) Istana (*Goten*) (2 markah)
  - ii) Menara istana (*Tenshukaku*) (2 markah)
  - iii) Menara keselamatan (*Yagura*) (2 markah)
- b. Terangkan fungsi Rumah Santapan Teh dalam Senibina Jepun:  
(2 markah)

- c. Jelaskan **dua (2)** ciri yang terdapat pada Rumah Santapan Teh dalam Senibina Jepun

(6 markah)

- d. Gambar rajah 3 di bawah menunjukkan lakaran kompleks makam dalam Senibina Jepun. Namakan mana-mana **enam (6)** elemen pada bangunan



Gambar Rajah 3

(6 markah)

**SOALAN 3**

- a) Berikan fungsi elemen yang terdapat di dalam seni bina masjid berikut:

- Mihrab
- Minaret
- Kubah
- Mimbar

(8 markah)

b) Terangkan fungsi elemen dekoratif berikut di dalam Senibina Islam:

- i) Corak geometri
- ii) Cahaya
- iii) Air
- iv) Kaligrafi

(8 markah)

c) Terangkan **dua (2)** kriteria yang terdapat pada bangunan Masjid Sultan Hassan di Kaherah Mesir

(4 markah)

**[60 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**